

PENGAJARAN DAN PEMELAJARAN BAHASA MELAYU: MASALAH DALAM KALANGAN PELAJAR BUKAN MELAYU

Abdul Rashid Jamian

Abstrak

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti sikap dan minat pelajar bukan Melayu serta kaitannya dengan faktor keluarga, guru, alat bantu mengajar, dan sekolah. Kaedah tinjauan melalui soal selidik dilakukan pada 300 pelajar bukan Melayu di sekolah di Negeri Sembilan. Dalam kajian ini, didapati bahawa pelajar bukan Melayu mempunyai masalah dalam pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, sikap dan minat pelajar bukan Melayu terhadap pembelajaran Bahasa Melayu tidak mempunyai perkaitan yang signifikan dengan faktor keluarga, guru, alat bantu, dan sekolah.

Abstract

The aim of this research is to identify the attitude and interest of the non-Malay pupils and its relationship with family, teacher, teaching aids, and school factors. Questionnaires involving 300 pupils were used in schools in Negeri Sembilan. It was revealed that the non-Malay pupils faced problems in the learning of Bahasa Melayu in schools. However, the attitude and interest of these pupils towards the learning of Bahasa Melayu is not significant to the family, teacher, teaching aids, and school factors.

PENDAHULUAN

Dalam konteks wawasan 2020, reformasi pendidikan yang bermula pada 1979 merupakan satu program infrastruktur persediaan yang terperinci ke arah matlamat pendidikan berasaskan Falsafah Pendidikan Negara. Falsafah

Pendidikan Negara telah digubal dengan rapi dan teliti setelah mendapat persetujuan daripada semua pihak, sama ada daripada ahli-ahli akademik mahupun bukan ahli akademik. Falsafah Pendidikan Negara digubal bagi memenuhi keperluan para pelajar yang terdiri daripada pelbagai kaum dan latar belakang sosial di negara ini. Falsafah Pendidikan Negara mempunyai matlamat seperti yang berikut:

“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan.”

(Wan Zahid bin Mohd. Nordin, 1991)

Pendidikan juga bertujuan untuk melahirkan individu yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berketerampilan dalam berbahasa. Untuk merealisasikan hasrat murni ini, para pelajar mestilah mempunyai wawasan diri, sikap yang positif dan bermotivasi tinggi terhadap pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu. Pembelajaran Bahasa Melayu menjadi penting kepada semua pelajar setelah Kementerian Pendidikan Malaysia menyeragamkan pelaksanaan dasar pendidikan bahasa. Melalui dasar ini semua pelajar harus menduduki peperiksaan dengan menggunakan Bahasa Melayu. Oleh itu, semua pelajar harus menguasai bahasa Melayu dengan baik. Walau bagaimanapun, Zulkifley Hamid (1996) menegaskan bahawa pencapaian pelajar dalam mata pelajaran bahasa Melayu, secara umumnya amatlah menyedihkan. Peratusan pelajar yang mencapai tahap cemerlang amatlah kecil, manakala peratusan yang gagal atau hanya mencapai tahap lulus amat tinggi.

LATAR BELAKANG PELAJAR BUKAN MELAYU

Pelajar bukan Melayu merujuk kepada pelajar-pelajar kaum Cina. Pelajar-pelajar Cina terdiri daripada beberapa golongan dan bertutur dalam dialek yang berbeza. Menurut Abdullah Hassan (1987), terdapat empat golongan besar kaum Cina di Semenanjung Malaysia. Golongan terbesar ialah golongan Hokkien (34%), Hakka (22%), Kanton (20%) dan Teochew (12%). Kelainan antara satu dialek dengan dialek yang lain adalah besar, sehingga dialek-dialek tersebut tidak difahami antara satu sama lain.

Kini, Malaysia didiami oleh pelbagai kaum dengan pelbagai agama, kebudayaan dan bahasa pertuturan. Pada masa dahulu kaum Cina dan In-

dia hidup berdampingan dengan masyarakat tempatan khususnya orang-orang Melayu. Mereka juga mengamalkan adat resam dan kebudayaan tempatan kerana jumlah mereka kecil.

Apabila orang Cina dan India yang masing-masing dari China dan India berhijrah dengan banyaknya ke Tanah Melayu dalam abad ke-19, mereka mengamalkan dan mengekalkan identiti masing-masing seperti bahasa, agama, dan kebudayaan. Akibat daripada dasar penjajah Inggeris, kaum Cina, India, dan tempatan mula terpisah.

Orang Cina mula datang ke negara ini sejak zaman kesultanan Melaka lagi. Hang Li Po, puteri maharaja China, berkahwin dengan sultan Melaka dan menetap di Melaka bersama-sama dengan pengikutnya. Dalam abad ke-19, orang Cina mula berhijrah secara besar-besaran ke Tanah Melayu. Antara faktor-faktor penghijrahan mereka ialah ketidakstabilan keadaan politik di China di bawah pemerintahan Dinasti Manchu, dan penindasan rakyat di China Selatan oleh pemerintah kerana mereka sering memberontak. Malapetaka sering berlaku dan merosakkan tanaman serta masalah pengangguran dan kebuluran.

Semasa di Tanah Melayu, mereka bertumpu di Negeri-negeri Selat. Mereka dikenali sebagai Sin-Kheh atau orang baru. Mereka bekerja di lombong bijih timah, di ladang dan juga di pelabuhan. Penghijrahan imigran Cina semakin pesat pada awal abad ke-19, mereka dikenali sebagai Cina Selat dan banyak yang terus menetap di negara ini.

Kepesatan penghijrahan ini berpunca daripada perusahaan bijih timah. Long Jaafar membuka lombong bijih timah di Larut, Perak pada tahun 1848 dan menjemput orang Cina untuk melombong di situ. Apabila orang Inggeris campur tangan di negeri-negeri Melayu, semakin ramai orang Cina yang berhijrah ke Tanah Melayu. Mereka mula berniaga, bertani dan memiliki tanah. Apabila Sistem Kangchu diperkenalkan di Johor oleh Sultan Abu Bakar, orang Cina berhijrah ke Johor pula. Mereka bekerja di ladang-ladang gambir dan lada hitam. Kangchu (ketua petempatan) diberikan "Surat Sungai", sebagai tanda kuasa. Mereka dibenarkan membuka ladang di tebing Sungai Johor dengan syarat membayar cukai kepada kerajaan.

Masyarakat India pula telah lama mempunyai hubungan perdagangan dan politik dengan Tanah Melayu. Kerajaan Hindu telah wujud di Tanah Melayu seawal tahun Masihi 100 lagi, umpamanya kerajaan Langkasuka.

Antara faktor-faktor penghijrahan mereka ke negara ini ialah keadaan ekonomi dan sosial yang kurang baik di India pada masa itu. Kemajuan ekonomi di Tanah Melayu, dan galakan daripada kerajaan Inggeris menyebabkan orang-orang India mula menetap di Tanah Melayu pada zaman

kesultanan Melaka dahulu.

Mereka kemudian berhijrah secara besar-besaran dalam abad ke-19 dan awal abad ke-20. Kebanyakan mereka bekerja di ladang-ladang getah. Ada juga yang bekerja membina jalan raya, jalan kereta api dan bekerja di pejabat kerajaan. Kerajaan Inggeris membawa mereka masuk ke negara ini dengan dua cara, iaitu secara Sistem Kontrak dan Sistem Kangany.

Dari dahulu hingga kini kedua-dua kaum tersebut menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan antara kaum di Tanah Melayu. Penggunaan bahasa pada peringkat awal hanya untuk berinteraksi dalam konteks sosial. Ini jelas kerana kedua-dua kaum tersebut diberi kebebasan untuk menggunakan bahasa masing-masing. Walau bagaimanapun, sistem pendidikan di Malaysia mewajibkan kelulusan mata pelajaran Bahasa Melayu sebagai syarat kelulusan sijil peperiksaan. Di samping itu, kelulusan Bahasa Melayu amat penting untuk memungkinkan para pelajar meneruskan pengajian pada peringkat yang lebih tinggi dan juga syarat kelayakan untuk menjawat jawatan di sektor-sektor kerajaan mahupun swasta. Inilah yang menyebabkan Bahasa Melayu amat penting dipelajari oleh kaum Cina dan India.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini secara khususnya bertujuan untuk mengenal pasti masalah sikap dan minat pelajar-pelajar bukan Melayu di samping faktor keluarga terhadap pemelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah yang dikaji. Kajian ini juga mengkaji faktor guru, alat bantu mengajar, dan faktor sekolah yang mempengaruhi sikap dan minat mereka.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting kerana hasil dapatannya boleh memperlihatkan aspek-aspek permasalahan dalam pengajaran dan pemelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar-pelajar bukan Melayu dalam pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Justeru, kajian ini dapat membantu dan memberi sumbangan kepada pihak yang terbabit seperti pihak Kementerian Pendidikan, Pengetua, dan guru-guru sekolah.

Dengan berlandaskan kepentingan kajian ini maka dapatlah dirumuskan bahawa dengan meninjau dan mengenal pasti masalah pengajaran dan pemelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar-pelajar bukan Melayu, dapatlah dipertingkatkan taraf profesion keguruan di Malaysia dan mudahlah penca-

paian wawasan pendidikan negara.

BATASAN KAJIAN

Kajian ini dibuat hanya pada pelajar-pelajar bukan Melayu yang berbangsa Cina yang belajar di tingkatan dua di sekolah-sekolah menengah di Negeri Sembilan.

Kajian ini juga terbatas kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar bukan Melayu dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu serta faktor-faktor yang menjadi penyebab kepada masalah-masalah tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk deskriptif. Mohd. Majid Konting (1990) berpendapat bahawa penyelidikan deskriptif adalah untuk menjelaskan sesuatu fenomena. Penjelasan yang diberi adalah berdasarkan faktor-faktor atau pemboleh ubah yang belum dikenal pasti.

Jenis penyelidikan deskriptif yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah-tinjauan. Mohd. Majid Konting (1990) menjelaskan bahawa kajian tinjauan digunakan untuk mengukur pemboleh ubah yang berkait dengan sesuatu fenomena tanpa menyoal sebab pemboleh ubah itu wujud. Kajian ini akan meninjau masalah-masalah pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pelajar-pelajar bukan Melayu di tingkatan dua di sekolah-sekolah menengah di Negeri Sembilan.

Sampel kajian terdiri daripada 300 pelajar Cina tingkatan dua di kelas-kelas yang mengandungi pelajar-pelajar bukan Melayu di Negeri Sembilan

PEMEROSAN DATA DAN ANALISIS

Borang soal selidik untuk guru dan pelajar digunakan untuk mengumpul data mentah. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan program SPSS (Statistical Packages for The Social Sciences). Menurut Mohd. Majid Konting (1990), program SPSS ini merupakan salah satu daripada pakej perisian komputer yang digunakan untuk memproses dan menganalisis data penyelidikan, khususnya penyelidikan sosial dan pendidikan.

Analisis data berlandaskan objektif kajian. Kami menggunakan statistik perihalan untuk menerangkan data mentah. Petunjuk seperti frekuensi dan peratusan serta min dan sisihan piawai digunakan untuk menerangkan pemboleh ubah tertentu yang terlibat dalam kajian ini.

DAPATAN KAJIAN

Kajian telah dijalankan terhadap pelajar-pelajar bukan Melayu dalam tingkatan dua di sekolah menengah di Negeri Sembilan. Semua data dipersembahkan secara deskriptif atau huraian dalam bentuk frekuensi (f), peratusan (%), min dan sisihan piawai. Walau bagaimanapun, bagi data yang ada kaitan dengan pengaruh, huraian juga akan dilakukan dalam bentuk analisis korelasi.

Masalah dalam Pengajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Bukan Melayu

Latar Belakang Responden

Beberapa perkara dikenal pasti untuk mendapatkan gambaran tentang pelajar bukan Melayu tingkatan dua yang menjadi responden kajian ini. Jumlah responden lelaki adalah seramai 125 orang (42%), manakala pelajar perempuan ialah 175 orang (58%). Dapatan menunjukkan bahawa responden yang mendapat gred C seramai 15 orang (5%), gred D seramai 175 orang (58%) dan gred E seramai 110 orang (37%) dalam peperiksaan akhir tahun.

Dari segi pekerjaan ibu bapa atau penjaga responden, seramai 126 orang (42%) bekerja sebagai kakitangan swasta, 78 orang (26%) sebagai peniaga, 54 orang (18%) kakitangan kerajaan, dan pekerjaan-pekerjaan lain ialah 42 orang (14%). Responden yang menyatakan jumlah pendapatan ibu bapa atau penjaga masing-masing sebulan antara RM501 – RM1000 seramai 126 orang (42%). Ibu bapa atau penjaga responden yang berpendapatan RM1001 – RM1500 seramai 96 orang (32%). Ibu bapa atau penjaga responden yang berpendapatan RM1501 – RM2000 seramai 36 orang (12%). Ini diikuti dengan ibu bapa atau penjaga yang mempunyai pendapatan RM500 ke bawah seramai 30 orang (10%). Hanya 12 orang ibu bapa atau penjaga (4%) yang berpendapatan lebih RM2001.

Dari segi pendidikan ibu bapa atau penjaga responden, didapati 132 orang (44%) ibu bapa atau penjaga responden yang mempunyai pendidikan sekolah menengah atas (SPM/STPM). Ibu bapa atau penjaga responden yang mempunyai pendidikan sekolah-sekolah menengah rendah (SRP/PMR) seramai 101 orang (34%). Seramai 60 orang (20%) ibu bapa atau penjaga responden yang mempunyai pendidikan sekolah rendah. Hanya 7 orang (2%) ibu bapa atau penjaga responden yang mempunyai pendidikan maktab atau universiti.

Dari segi bahasa utama yang digunakan oleh responden untuk bertutur dengan ahli keluarga, didapati bahasa Cina bahasa pertuturan utama bagi

sebahagian besar responden, iaitu seramai 270 orang (90%), manakala bahasa Inggeris menjadi bahasa pertuturan utama dengan ahli keluarga bagi 30 orang responden (10%). Berkaitan dengan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan ahli keluarga responden, didapati 225 orang (75%) yang mengatakan bahawa penguasaan bahasa Melayu ahli keluarga mereka kurang baik. Terdapat 70 orang (23%) yang menyatakan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan ahli keluarga mereka tidak baik, manakala 5 orang (2%) sahaja yang menyatakan penguasaan bahasa Melayu ahli keluarga mereka baik.

Sikap dan Minat Responden

Berkaitan dengan sikap dan minat pelajar bukan Melayu terhadap pembelajaran Bahasa Melayu, dapatan kajian menunjukkan bahawa butiran ‘saya belajar Bahasa Melayu kerana diwajibkan’ memperoleh min skor yang tertinggi, iaitu 3.18. Butiran ‘saya tidak boleh menulis tulisan Bahasa Melayu’ memperoleh min skor terendah, iaitu 1.90. Min keseluruhan bagi butiran dalam aspek dan minat responden ini ialah 2.48.

Dari segi peratusan pula, butiran ‘saya menghadapi masalah dalam pembelajaran Bahasa Melayu’ memperoleh peratus bersetuju tertinggi, iaitu 94%. Peratus bersetuju kedua tertinggi iaitu, 92% adalah bagi butiran ‘saya belajar Bahasa Melayu kerana diwajibkan’. Seterusnya, peratus bersetuju ketiga tinggi ialah 90% iaitu bagi butiran ‘pelajaran Bahasa Melayu amat mengelirukan dan susah untuk dipelajari’.

Jadual 1 Sikap dan Minat Responden

Butiran	S.P	1	2	3	4	Min
		Bil	Bil	Bil	Bil	
		(%)	(%)	(%)	(%)	
1. Bahasa Melayu adalah satu mata pelajaran yang mudah. (16) 0.31		24 (8)	70 (90)	6 (2)	0 (0)	1.94
2. Pelajaran BM amat mengelirukan dan susah untuk dipelajari. (2) 0.56		0 (0)	30 (10)	204 (68)	16 (22)	3.12
3. Saya belajar BM kerana ia mata pelajaran yang diwajibkan. (1) 0.56		0 (0)	24 (8)	198 (66)	78 (26)	3.18

Sambungan Jadual 1

Butiran	1	2	3	4	Min
S.P	Bil	Bil	Bil	Bil	
	(%)	(%)	(%)	(%)	
4. Saya belajar BM semata-mata untuk lulus peperiksaan. (7) 0.69	12	78	180	30	2.76
	(4)	(26)	(60)	(10)	
5. Saya menghadapi masalah dalam mata pelajaran BM. (13) 0.49	24	228	48	0	2.08
	(8)	(78)	(16)	(0)	
6. Saya menghadapi masalah dalam pembelajaran BM. (3) 0.46	0	18	234	24	3.10
	(0)	(6)	(78)	(16)	
7. Saya akan berjumpa dengan guru apabila menghadapi (10) 0.45 masalah dalam pembelajaran BM.	6	228	66	0	2.0
	(2)	(76)	(22)	(0)	
8. Saya menetapkan masa untuk mengulang kaji mata pelajaran (15) 0.55 BM di rumah.	30	228	36	6	2.06
	(10)	(76)	(12)	(2)	
9. Saya sukar bertutur dalam BM. (9) 0.79	54	138	96	12	2.22
	(18)	(46)	(32)	(4)	
10. Saya sukar membaca dalam BM. (8) 0.68	36	132	132	0	2.32
	(12)	(44)	(44)	(0)	
11. Saya tidak boleh menulis tulisan BM. (17) 0.71	90	150	60	0	1.90
	(30)	(50)	(20)	(0)	
12. Saya tidak menumpukan sepenuh perhatian semasa guru (6) 0.50 mengajar pelajaran BM.	0	60	222	18	2.86
	(0)	(20)	(74)	(6)	
13. Saya rasa bosan setiap kali guru mengajar BM di kelas. (4) 0.59	0	42	198	60	3.06
	(0)	(14)	(66)	(20)	
14. Saya sentiasa menyiapkan semua kerja sekolah yang diberi (4) 3.59 oleh guru BM.	42	198	60	0	3.06
	(14)	(66)	(20)	(0)	
15. Saya berusaha untuk lulus mata pelajaran BM dengan (11) 0.74	54	174	60	12	2.10

Sambungan Jadual 1

Butiran	1	2	3	4	Min
	Bil	Bil	Bil	Bil	
S.P	(%)	(%)	(%)	(%)	
cemerlang dalam peperiksaan.	(18)	(58)	(20)	(4)	
16. Saya kerap membaca bahan-bahan bacaan BM. (12) 0.52	18 (6)	175 (70)	72 (24)	0 (0)	2.18
17. Saya kerap meminjam buku BM dari perpustakaan sekolah (13) 0.67 atau perpustakaan awam untuk mempertingkatkan pencapaian dalam BM.	48 (16)	124 (62)	60 (20)	6 (2)	2.08
Keseluruhan 0.58					2.48

PETUNJUK:

- 1 Sangat Tidak Setuju (STS)
- 2 Tidak Setuju (TS)
- 3 Setuju (S)
- 4 Sangat Setuju (SS)

NOTA: Min Keseluruhan

< 2.5 = Tidak Setuju

>2.5 = Setuju

Faktor Keluarga yang Mempengaruhi Minat dan Sikap Responden

Jadual 2 menunjukkan butiran yang berkaitan dengan faktor keluarga yang mempengaruhi sikap dan minat pelajar-pelajar bukan Melayu terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Dapatan memperlihatkan bahawa min tertinggi, iaitu 2.64 adalah bagi butiran 'ibu bapa saya menghantar saya ke kelas tambahan atau kelas tuisyen Bahasa Melayu'. Min kedua tinggi pula ialah 2.54, iaitu bagi butiran 'ibu bapa mengambil berat tentang prestasi pelajaran Bahasa Melayu saya'. Min yang terendah pula ialah 2.00, iaitu butiran bagi 'ibu bapa dan keluarga saya selalu bertutur dalam bahasa Melayu'.

Jadual 2 Faktor Keluarga yang Mempengaruhi Sikap dan Minat Responden

Butiran	1	2	3	4	Min
	Bil	Bil	Bil	Bil	
S.P	(%)	(%)	(%)	(%)	
1. Ibu bapa saya mengambil berat tentang prestasi (2) 0.71 pelajaran Bahasa Melayu saya.	6	156	108	30	2.54
	(2)	(52)	(36)	(10)	
2. Ibu bapa saya menghantar saya ke kelas (1) 0.78 tambahan atau kelas tuisyen Bahasa Melayu.	12	126	120	42	2.64
	(4)	(42)	(40)	(14)	
3. Saya mendapat bimbingan dan tunjuk ajar (7) 0.60 daripada ibu bapa atau ahli keluarga sekiranya saya menghadapi masalah dalam pelajaran Bahasa Melayu.	42	192	66	0	2.08
	(14)	(64)	(22)	(0)	
4. Ibu bapa saya selalu memberi perangsang kepada (4) 0.54 saya agar mendapat keputusan yang baik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.	6	156	138	0	2.44
	(2)	(52)	(46)	(0)	
5. Ibu bapa saya menggalakkan saya membaca (3) 0.54 bahan-bahan bacaan dalam Bahasa Melayu.	6	144	150	0	2.48
	(2)	(48)	(50)	(0)	
6. Ibu apa saya tidak marah jika saya gagal (4) 0.64 mata pelajaran Bahasa Melayu dalam peperiksaan.	24	120	156	0	2.44
	(8)	(40)	(52)	(0)	
7. Ibu bapa dan keluarga saya selalu bertutur (8) 0.57 dalam bahasa Melayu.	48	204	48	0	2.00
	(16)	(68)	(16)	(0)	
8. Ibu bapa dan keluarga saya menggalakkan (6) 0.61 saya bertutur dalam bahasa Melayu.	30	180	90	0	2.20
	(10)	(60)	(30)	(0)	
Keseluruhan					2.35
0.62					

PETUNJUK:

- 1 Sangat Tidak Setuju (STS)
- 2 Tidak Setuju (TS)
- 3 Setuju (S)
- 4 Sangat Setuju (SS)

NOTA: Min Keseluruhan

- < 2.5 = Tidak Setuju
- > 2.5 = Setuju

Dari segi peratusannya pula, didapati butiran ‘ibu bapa saya menghantar saya ke kelas tambahan atau kelas tuisyen Bahasa Melayu’ mendapat peratusan bersetuju tertinggi iaitu 54%. Peratusan yang tidak bersetuju tertinggi pula adalah bagi butiran ‘ibu bapa dan keluarga saya bertutur dalam bahasa Melayu’ iaitu sebanyak 84%. Peratusan yang tidak setuju kedua tinggi adalah bagi butiran ‘saya mendapat bimbingan dan tunjuk ajar daripada ibu bapa atau ahli keluarga sekiranya saya menghadapi masalah dalam pelajaran Bahasa Melayu’ iaitu sebanyak 78%.

Persepsi Pelajar terhadap Faktor Guru

Jadual 3 merujuk kepada faktor guru yang mempengaruhi sikap dan minat pelajar bukan Melayu dalam pemelajaran Bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa min tertinggi, iaitu 2.64 adalah bagi butiran ‘guru Bahasa Melayu saya akan menegur saya sekiranya saya tidak menyiapkan latihan-latihan yang diberikan’. Min kedua tertinggi, iaitu 2.54 adalah bagi butiran ‘guru Bahasa Melayu saya memberikan latihan atau kerja rumah yang mencukupi untuk mempertingkatkan pencapaian saya dalam Bahasa Melayu’. Min terendah pula ialah 2.08, iaitu bagi butiran ‘pelajaran Bahasa Melayu yang disampaikan oleh guru Bahasa Melayu saya sangat menyeronokkan dan tidak membosankan’.

Jadual 3 Persepsi Pelajar terhadap Faktor Guru

Butiran	1	2	3	4	Min
	Bil	Bil	Bil	Bil	
S.P	(%)	(%)	(%)	(%)	
1. Saya faham pelajaran Bahasa Melayu yang (6) 0.56 diajar oleh guru saya di dalam kelas.	12 (4)	210 (70)	72 (24)	6 (2)	2.24
2. Pelajaran Bahasa Melayu yang disampaikan (7) 0.78 Oleh guru Bahasa Melayu saya sangat menyeronokkan dan tidak membosankan.	60 (20)	174 (58)	48 (16)	18 (6)	2.08
3. Guru Bahasa Melayu saya sentiasa membimbing (3) 0.57 dan memberi tunjuk ajar yang baik untuk merangsang minat saya terhadap pelajaran Bahasa Melayu.	12 (4)	156 (52)	132 (44)	0 (0)	2.40

Sambungan Jadual 3

Butiran S.P	1	2	3	4	Min
	Bil	Bil	Bil	Bil	
	(%)	(%)	(%)	(%)	
4. Guru Bahasa Melayu saya selalu mempelbagaikan (4) 0.59 cara mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu.	18 (6)	168 (56)	114 (38)	0 (0)	2.32
5. Guru BM saya memberikan latihan atau (2) 0.58 kerja rumah yang mencukupi untuk mempertingkatkan pencapaian saya dalam Bahasa Melayu.	12 (4)	114 (38)	174 (58)	0 (0)	2.54
6. Guru BM saya akan menegur saya sekiranya (1) 0.60 saya tidak menyiapkan latihan-latihan yang diberikan.	0 (0)	126 (42)	156 (52)	3 (6)	2.64
7. Guru Bahasa Melayu saya akan menyemak (5) 0.64 setiap latihan yang diberikan dengan teliti.	30 (10)	156 (52)	114 (38)	0 (0)	2.28
Keseluruhan 0.16					2.36

PETUNJUK:

- 1 Sangat Tidak Setuju (STS)
- 2 Tidak Setuju (TS)
- 3 Setuju (S)
- 4 Sangat Setuju (SS)

NOTA: Min Keseluruhan

- < 2.5 = Tidak Setuju
- >2.5 = Setuju

Dari segi peratusan pula, butiran ‘guru BM saya akan menegur saya sekiranya tidak menyiapkan latihan-latihan yang diberikan’ dan butiran ‘guru Bahasa Melayu saya memberikan latihan atau kerja rumah yang mencukupi untuk mempertingkatkan pencapaian saya dalam Bahasa Melayu’, mendapat peratusan bersetuju tertinggi, masing-masing 58%. Peratusan responden yang tidak bersetuju tertinggi pula, iaitu 78% adalah bagi butiran ‘pelajaran Bahasa Melayu yang disampaikan oleh guru Bahasa Melayu saya sangat menyeronokkan dan tidak membosankan’.

Persepsi Pelajar terhadap Faktor Alat Bantu Mengajar

Jadual 4 menunjukkan butiran yang berkaitan dengan faktor alat bantu mengajar yang mempengaruhi sikap dan minat pelajar bukan Melayu terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Dapatan menunjukkan bahawa butiran ‘saya akan menumpukan perhatian yang lebih terhadap pengajaran guru sekiranya guru menggunakan alat bantu mengajar’ memperoleh min tertinggi, iaitu 3.40. Butiran ‘guru Bahasa Melayu saya kerap menggunakan alat bantu mengajar dalam pengajarannya’ memperoleh min terendah, iaitu 2.08.

Jadual 4 Persepsi Pelajar terhadap Faktor Alat Bantu Mengajar

Butiran	1	2	3	4	Min
	Bil	Bil	Bil	Bil	
S.P	(%)	(%)	(%)	(%)	
1. Guru Bahasa Melayu saya menggunakan bahan-bahan (3) 0.51; pengajaran Bahasa Melayu selain buku teks.	0	210	84	1	2.32
2. Guru Bahasa Melayu saya kerap menggunakan (4) 0.44 alat bantu mengajar dalam pengajarannya.	18	240	42	0	2.08
3. Pada pendapat saya penggunaan (2) 0.63 bahan-bahan tambahan atau alat bantu mengajar selain buku teks menjadikan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu lebih menarik.	0	24	150	126	3.34
4. Saya akan menumpukan perhatian (1) 0.57 yang lebih terhadap pengajaran guru sekiranya guru menggunakan alat bantu mengajar.	0	12	156	132	3.40
Keseluruhannya					2.79
0.54					

PETUNJUK:

- 1 Sangat Tidak Setuju (STS)
- 2 Tidak Setuju (TS)
- 3 Setuju (S)
- 4 Sangat Setuju (SS)

NOTA: Min Keseluruhan

- < 2.5 = Tidak Setuju
- > 2.5 = Setuju

Persepsi Pelajar terhadap Faktor Sekolah

Merujuk kepada Jadual 5, iaitu tentang faktor sekolah yang mempengaruhi sikap dan minat pelajar bukan Melayu terhadap pembelajaran Bahasa Melayu, didapati min tertinggi ialah 2.58 iaitu bagi butiran 'pengetua atau pihak pentadbir sekolah saya mengambil berat tentang pencapaian Bahasa Melayu pelajar-pelajar bukan Melayu'. Min yang terendah ialah 1.56, iaitu bagi

Jadual 5 Persepsi Pelajar terhadap Faktor Sekolah

Butiran	1	2	3	4	Min
	Bil	Bil	Bil	Bil	
S.P	(%)	(%)	(%)	(%)	
1. Pengetua atau pihak pentadbir sekolah (1) 0.67 saya mengambil berat tentang pencapaian Bahasa Melayu pelajar-pelajar bukan Melayu.	18 (6)	102 (34)	168 (56)	12 (4)	2.58
2. Perpustakaan sekolah saya mempunyai buku (2) 0.56 dan bahan bacaan lain dalam Bahasa Melayu yang lengkap.	6 (2)	192 (64)	96 (32)	6 (2)	2.34
3. Guru-guru di sekolah saya banyak (4) 0.63 menganjurkan aktiviti melalui Persatuan Bahasa Melayu untuk pelajar-pelajar bukan Melayu.	90 (30)	174 (58)	36 (12)	0 (0)	1.82
4. Saya suka menyertai aktiviti-aktiviti yang (3) 0.64 dianjurkan oleh Persatuan Bahasa Melayu di sekolah saya.	60 (20)	180 (60)	60 (20)	0 (0)	2.00
5. Pihak sekolah pernah mengadakan (5) 0.67 pertemuan dengan ibu bapa saya untuk membincangkan pencapaian Bahasa Melayu saya.	162 (54)	108 (36)	30 (10)	0 (0)	1.56
Keseluruhan 0.63					2.06

PETUNJUK:

- 1 Sangat Tidak Setuju (STS)
- 2 Tidak Setuju (TS)
- 3 Setuju (S)
- 4 Sangat Setuju (SS)

NOTA: Min Keseluruhan

- < 2.5 = Tidak Setuju
- > 2.5 = Setuju

butiran ‘pihak sekolah pernah mengadakan pertemuan dengan ibu bapa saya untuk membincangkan pencapaian Bahasa Melayu saya’.

Analisis Korelasi antara Sikap dan Minat Pelajar Bukan Melayu dengan Pemboleh Ubah

Berdasarkan Jadual 6, didapati bahawa terdapat hubungan yang tidak signifikan antara sikap dan minat pelajar bukan Melayu dengan faktor keluarga ($r = 0.091, p > 0.05$). Hal ini menunjukkan bahawa faktor keluarga kurang mempengaruhi sikap dan minat pelajar-pelajar bukan Melayu terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Analisis korelasi antara sikap dan minat pelajar bukan Melayu dengan faktor guru Bahasa Melayu pula menunjukkan hubungan yang tidak signifikan ($r = 0.011, p > 0.05$). Angka ini menunjukkan bahawa faktor guru Bahasa Melayu sangat kurang mempengaruhi sikap dan minat pelajar bukan Melayu terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Selain itu, didapati bahawa korelasi antara sikap dan minat pelajar bukan Melayu dengan faktor guru Bahasa Melayu adalah tidak signifikan ($r = 0.151, p > 0.05$). Hal ini menunjukkan bahawa faktor guru tidak signifikan ($r = 0.151, p > 0.05$). Angka ini menunjukkan bahawa faktor guru Bahasa Melayu kurang mempengaruhi sikap dan minat pelajar bukan Melayu terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Dapatan juga menunjukkan bahawa wujud hubungan yang tidak signifikan ($r = 0.112, p > 0.05$) antara sikap dan minat pelajar bukan Melayu dengan faktor sekolah. Dapatan ini menunjukkan bahawa faktor sekolah kurang mempengaruhi masalah sikap dan minat pelajar bukan Melayu.

Jadual 6 Korelasi antara Sikap dan Minat Pelajar Bukan Melayu dengan Pemboleh Ubah

Sikap dan Minat dengan	<i>r</i>	<i>p</i>
a. Faktor Keluarga	0.091	0.53
b. Faktor Guru BM	0.011	0.94
c. Faktor Alat Bantu Mengajar	0.151	0.29
d. Faktor Sekolah	0.147	0.31

PERBINCANGAN

Sikap dan Minat Pelajar-pelajar Bukan Melayu terhadap Pemelajaran Bahasa Melayu

Profil responden menunjukkan bahawa kesemua responden terdiri daripada pelajar-pelajar lelaki dan perempuan berbangsa Cina. Pencapaian kebanyakan responden dalam mata pelajaran BM dalam peperiksaan akhir tahun 1999 agak lemah; seramai 5% yang mendapat gred C, 58% mendapat gred D dan 37% mendapat gred E.

Ditinjau dari sudut latar belakang keluarga para pelajar, didapati hanya 22% sahaja ibu bapa atau keluarga para pelajar tersebut yang mempunyai pendapatan bulanan lebih daripada RM1500 dan ada juga ibu bapa para pelajar itu (10%) yang memperoleh pendapatan bulanan kurang daripada RM500. Hal ini menunjukkan bahawa kebanyakan ibu bapa responden terdiri daripada yang berpendapatan sederhana dan rendah. Taha Abdul Kadir (1977) dan Sharifah Md. Noor (1992), mengatakan bahawa keadaan ekonomi keluarga mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar.

Di samping itu, kajian mendapati bahawa tidak ada ibu bapa dan keluarga para pelajar bukan Melayu yang menggunakan bahasa Melayu di rumah. Kebanyakan ibu bapa dan keluarga para pelajar tersebut menggunakan bahasa Cina (88%) atau bahasa Inggeris (12%) sebagai bahasa utama pertuturan di rumah. Oleh itu, para pelajar bukan Melayu ini hanya menggunakan bahasa Melayu sewaktu di sekolah sahaja. Apabila di rumah, mereka tidak lagi mempraktik dan menggunakan bahasa Melayu yang dipelajari oleh mereka di sekolah. Hal ini berkemungkinan menyebabkan para pelajar bukan Melayu tersebut tidak mahir menggunakan bahasa Melayu dan juga akan menyukarkan pelajar-pelajar tersebut untuk menguasai bahasa Melayu dengan betul dan cepat. Mengikut Nik Safiah Karim (1986), masyarakat hari ini kurang peka dan sensitif dengan penggunaan bahasa Melayu dalam pertuturan mereka.

Dari aspek sikap dan minat para pelajar bukan Melayu, masalah dikenal pasti dari sudut sikap pelajar-pelajar bukan Melayu yang belajar bahasa Melayu hanya kerana bahasa Melayu diwajibkan. Kajian mendapati 92% pelajar bukan Melayu mempelajari bahasa Melayu kerana diwajibkan. Hal ini bermakna jika bahasa Melayu tidak diwajibkan, ada kemungkinan mereka tidak mahu belajar bahasa Melayu.

Selain itu, pelajar-pelajar bukan Melayu bermasalah dalam pemelajaran

Bahasa Melayu kerana mereka merasakan Bahasa Melayu sukar dan mengelirukan. Terdapat 90% pelajar bukan Melayu yang bersetuju bahawa pelajaran Bahasa Melayu amat mengelirukan dan susah untuk dipelajari. Kekeiruan dan kesukaran mereka mempelajari Bahasa Melayu berkemungkinan menyebabkan mereka bermasalah untuk belajar Bahasa Melayu dan seterusnya bersikap negatif terhadap pemelajaran Bahasa Melayu.

Di samping itu, permasalahan pelajar-pelajar bukan Melayu untuk mempelajari Bahasa Melayu juga dikenal pasti dari sikap mereka yang tidak menumpukan sepenuh perhatian semasa guru Bahasa Melayu mengajar. Hal ini jelas dilihat daripada dapatan kajian yang menunjukkan bahawa 80% pelajar bukan Melayu yang menyatakan bahawa mereka tidak menumpukan sepenuh perhatian semasa guru mengajar.

Faktor Keluarga yang Mempengaruhi Sikap dan Minat Pelajar Bukan Melayu terhadap Mata Pelajaran Bahasa Melayu

Dapatan kajian mendapati bahawa faktor keluarga mempunyai perkaitan yang tidak signifikan terhadap sikap dan minat pelajar-pelajar bukan Melayu untuk belajar Bahasa Melayu ($r = 0.091, p > 0.05$). Hal ini bermakna faktor keluarga mempunyai pengaruh yang lemah terhadap sikap dan minat pelajar-pelajar bukan Melayu untuk mempelajari Bahasa Melayu.

Dilihat dari sudut min keseluruhan, didapati butiran faktor keluarga memperoleh min keseluruhan 2.35. Angka ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya responden tidak berapa setuju bahawa faktor keluarga mendatangkan masalah terhadap pemelajaran Bahasa Melayu.

Namun begitu, dilihat dari segi peratusan, didapati faktor keluarga juga menimbulkan masalah terhadap sikap dan minat pelajar-pelajar bukan Melayu terhadap pemelajaran Bahasa Melayu. Kajian mendapati 54% responden yang mengatakan bahawa ibu bapa mereka tidak mengambil berat tentang prestasi pemelajaran Bahasa Melayu mereka. Dapatan ini menunjukkan bahawa ada kemungkinan ibu bapa pelajar-pelajar bukan Melayu yang mengabaikan pemelajaran Bahasa Melayu anak masing-masing dan seterusnya mungkin menyebabkan anak-anak itu tidak berminat untuk belajar Bahasa Melayu.

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa lebih daripada separuh, iaitu 54% ibu bapa pelajar-pelajar bukan Melayu yang jarang-jarang memberi perangsang kepada anak-anak mereka agar mendapat keputusan yang baik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Di samping itu, sebahagian besar iaitu 78% daripada pelajar-pelajar bukan Melayu yang menjadi responden itu yang tidak mendapat bimbingan dan tunjuk ajar daripada ibu bapa atau

ahli keluarga masing-masing sekiranya menghadapi masalah dalam pelajaran Bahasa Melayu.

Faktor Guru yang Mempengaruhi Sikap dan Minat Pelajar Bukan Melayu terhadap Mata Pelajaran Bahasa Melayu

Dapatan kajian yang berdasarkan korelasi menunjukkan bahawa masalah yang berkaitan dengan faktor guru Bahasa Melayu mempunyai pengaruh yang tidak signifikan terhadap sikap dan minat pelajar-pelajar bukan Melayu ($r = 0.011$, $p > 0.05$). Hal ini menunjukkan bahawa faktor guru Bahasa Melayu bukanlah faktor utama yang mempengaruhi sikap dan minat para pelajar bukan Melayu terhadap pembelajaran Bahasa Melayu.

Begitu juga jika dilihat dari segi min keseluruhan. Didapati min keseluruhan bagi butiran faktor guru Bahasa Melayu ialah 2.36. Hal ini menunjukkan bahawa responden tidak beberapa setuju bahawa faktor guru Bahasa Melayu akan menyebabkan mereka kurang berminat dan bersikap negatif terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu.

Walau bagaimanapun, kajian yang berdasarkan min mendapati bahawa ada juga beberapa faktor guru yang menyebabkan masalah terhadap sikap dan minat pelajar-pelajar bukan Melayu terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Kajian menunjukkan bahawa skor min untuk cara guru Bahasa Melayu mengajar ialah 2.08, iaitu guru Bahasa Melayu membosankan dan tidak menyeronokkan sewaktu mengajar. Sikap dan cara guru Bahasa Melayu mengajar yang sedemikian berkemungkinan menyebabkan pelajar-pelajar bukan Melayu tidak berminat untuk belajar Bahasa Melayu.

Berdasarkan peratusan pula, kajian mendapati kebanyakan pelajar bukan Melayu sering menghadapi masalah memahami pengajaran guru Bahasa Melayu. Terdapat 70% pelajar bukan Melayu yang mengatakan bahawa mereka tidak memahami apa yang telah diajar oleh guru Bahasa Melayu. Masalah yang dihadapi oleh pelajar ini mungkin disebabkan mereka tidak faham apa yang cuba disampaikan oleh guru Bahasa Melayu.

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat 62% pelajar bukan Melayu yang menyatakan bahawa guru Bahasa Melayu mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu dengan tidak menggunakan kaedah dan cara yang pelbagai. Kaedah dan cara pengajaran yang tidak pelbagai mungkin akan menjadikan pengajaran guru Bahasa Melayu hambar dan membosankan para pelajar. Apabila rasa bosan dan jemu menguasai diri para pelajar terutamanya pelajar bukan Melayu, maka sukarlah bagi mereka untuk memahami serta menguasai pembelajaran Bahasa Melayu.

Faktor Alat Bantu Mengajar yang Mempengaruhi Sikap dan Minat Pelajar Bukan Melayu terhadap Mata Pelajaran Bahasa Melayu

Dapatan kajian yang berdasarkan korelasi menunjukkan bahawa faktor alat bantu mengajar mempunyai kaitan yang tidak signifikan dengan sikap dan minat pelajar-pelajar bukan Melayu ($r = 0.151, p > 0.05$). Hal ini menunjukkan bahawa faktor alat bantu mengajar kurang mempengaruhi sikap dan minat para pelajar bukan Melayu terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu.

Dapatan kajian yang berdasarkan min pula mendapati bahawa min keseluruhan bagi butiran yang berkaitan dengan faktor alat bantu mengajar ialah 2.79 yang menunjukkan responden bersetuju pada dasarnya bahawa faktor alat bantu mengajar merupakan antara masalah yang dihadapi dalam pengajaran dan pemelajaran Bahasa Melayu.

Kajian yang berdasarkan peratusan pula mendapati, 86% responden yang bersetuju dan menyatakan bahawa guru Bahasa Melayu mereka tidak kerap menggunakan alat bantu mengajar dalam pengajarannya. Hal ini menunjukkan bahawa sangat kurang guru Bahasa Melayu yang menggunakan alat bantu mengajar sewaktu mengajar Bahasa Melayu dan keadaan ini kemungkinan akan menyebabkan pelajar-pelajar bukan Melayu kurang berminat untuk belajar Bahasa Melayu.

Pengajaran dan pemelajaran Bahasa Melayu akan lebih berkesan dan menarik jikalau penggunaan alat bantu mengajar diaplikasikan secara maksimum oleh guru-guru Bahasa Melayu di dalam kelas. Namun begitu, kajian mendapati bahawa 70% responden yang menyatakan tidak setuju bahawa guru Bahasa Melayu mereka menggunakan bahan-bahan pengajaran Bahasa Melayu selain buku teks. Hal ini menunjukkan bahawa guru Bahasa Melayu lebih banyak menggunakan buku teks berbanding bahan-bahan pengajaran yang lain dalam pengajaran dan pemelajaran Bahasa Melayu.

Faktor Sekolah yang Mempengaruhi Sikap dan Minat Pelajar Bukan Melayu terhadap Mata Pelajaran Bahasa Melayu

Kajian korelasi mendapati bahawa sikap dan minat pelajar-pelajar bukan Melayu dengan faktor sekolah mempunyai hubungan yang tidak signifikan ($r = 0.147, p > 0.05$) yang menunjukkan bahawa terdapat hubungan dan pengaruh yang lemah antara sikap dan minat pelajar bukan Melayu dengan faktor sekolah.

Kajian yang berdasarkan min pula mendapati bahawa min keseluruhan bagi faktor sekolah 2.06. Hal ini menunjukkan bahawa secara keseluruhan-

nya responden tidak setuju bahawa faktor sekolah menyebabkan mereka bermasalah dan mempunyai sikap yang negatif terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu. Namun begitu, kajian mendapati bahawa 90% responden menyatakan tidak setuju bahawa pihak sekolah pernah mengadakan pertemuan dengan ibu bapa mereka untuk membincangkan pencapaian Bahasa Melayu mereka.

Selain itu, kajian mendapati bahawa 88% responden menyatakan tidak setuju bahawa guru-guru di sekolah mereka banyak menganjurkan aktiviti kebahasaan melalui Persatuan Bahasa Melayu untuk pelajar-pelajar bukan Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti untuk merangsang minat dan sikap pelajar-pelajar bukan Melayu terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu mungkin masih kurang dijalankan di sekolah-sekolah yang dikaji.

KESIMPULAN

Pemasalahan dikenal pasti dari sikap guru-guru Bahasa Melayu yang mudah berasa bosan dan terbeban dengan tugas mengajar Bahasa Melayu pelajar-pelajar bukan Melayu, tidak dapat mengawal disiplin para pelajar bukan Melayu dan juga tidak memastikan pelajar-pelajar bukan Melayu faham apa yang telah guru-guru Bahasa Melayu tersebut sampaikan semasa proses pengajaran dan pembelajaran sedang dijalankan.

Guru Bahasa Melayu menghadapi masalah untuk menyampaikan pengajaran Bahasa Melayu yang menarik dan sesuai, sukar untuk menggunakan kaedah dan teknik yang pelbagai, tidak mempelbagaikan pola interaksi antara guru dengan pelajar serta bermasalah untuk mengaitkan pelajaran yang diajar dengan minat dan pengalaman lalu para pelajar bukan Melayu sewaktu pengajaran dan pembelajaran.

Guru-guru Bahasa Melayu dikenal pasti bermasalah untuk mempelbagaikan alat bantu mengajar, tidak kerap menggunakan alat bantu mengajar dan bahan pengajaran dan guru Bahasa Melayu juga merasakan terbeban dan bermasalah untuk menggunakan alat bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar-pelajar bukan Melayu.

Dari sudut sikap dan minat pelajar-pelajar bukan Melayu terhadap pembelajaran Bahasa Melayu, masalah dikenal pasti daripada sikap pelajar-pelajar bukan Melayu yang hanya belajar Bahasa Melayu kerana Bahasa Melayu wajib dipelajari oleh mereka, tidak menumpukan perhatian semasa

guru Bahasa Melayu mengajar, dan tidak mahu menggunakan bahasa Melayu semasa bertutur dengan ahli keluarga di rumah serta anggapan mereka bahawa mata pelajaran Bahasa Melayu amat mengelirukan dan sukar untuk dipelajari.

Faktor keluarga mempunyai perkaitan yang tidak signifikan terhadap sikap dan minat pelajar-pelajar bukan Melayu untuk belajar Bahasa Melayu ($r = 0.091, p > 0.05$).

Faktor guru Bahasa Melayu mempunyai pengaruh yang tidak signifikan terhadap sikap dan minat pelajar-pelajar bukan Melayu mempelajari Bahasa Melayu ($r = 0.011, p > 0.05$).

Faktor alat bantu mengajar mempunyai kaitan yang tidak signifikan terhadap sikap dan minat pelajar-pelajar bukan Melayu mempelajari Bahasa Melayu ($r = 0.151, p > 0.05$).

Faktor sekolah mempunyai pengaruh yang tidak signifikan terhadap sikap dan minat pelajar-pelajar bukan Melayu dalam proses pemelajaran Bahasa Melayu ($r = 0.147, p > 0.05$).

RUJUKAN

- Abdullah Hassan, 1987. *Isu-isu Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd.Majid Konting, 1990. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, 1986. "Peningkatan Estetik Bahasa Melayu" dalam *Jurnal Persatuan Linguistik*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Sharifah Md.Nor, 1992. "Faktor-faktor latar belakang yang berkaitan dengan pencapaian akademik murid darjah satu" dalam *Jurnal Pendidik dan Pendidikan (11)*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, hlm. 65.
- Taha Abdul Kadir, 1977. "Persekitaran rumah tangga dan pencapaian akademik murid-murid di sekolah menengah kebangsaan." Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Wan Zahid Wan Nordin, 1991. *Reformasi Pendidikan dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Isu dan Cabaran dalam Reformasi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Zulkifley Hamid, 1996. *Bahasa, Konsep, Fungsi dan Penguasaannya oleh Penutur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.